

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH  
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes sabitan hukuman mati yang telah diketepikan pada peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan bagi 2000 - 2020 mengikut jenis kesalahan dan jantina dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan Sistem Sokongan Mangsa (Victim Support System) untuk menyokong keluarga yang kehilangan orang kesayangan akibat kes bunuh dari segi bantuan guaman dan kebajikan.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kes sabitan dan hukuman mati yang telah diketepikan oleh Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan bagi tahun 2000 - 2020 adalah seperti berikut:

**MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

BIL.	JENIS KESALAHAN	BILANGAN KES
1.	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	141
2.	Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952	351
3.	Akta Culik 1961	20
4.	Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	3
<b>JUMLAH</b>		<b>515</b>

Daripada jumlah keseluruhan 515 kes yang diketepikan sabitan hukuman mati tersebut, jumlah tertuduh mengikut jantina adalah seramai 465 lelaki dan 50 perempuan.

**MAHKAMAH RAYUAN**

BIL.	JENIS KESALAHAN	BILANGAN KES
1.	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	65
2.	Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952	282
<b>JUMLAH</b>		<b>347</b>

Daripada jumlah keseluruhan 347 kes yang diketepikan sabitan hukuman mati tersebut, jumlah tertuduh mengikut jantina adalah seramai 331 lelaki dan 16 perempuan.

## NO. SOALAN : 34

Dari segi bantuan guaman, Kerajaan melalui Jabatan Bantuan Guaman (JBG), memaklumkan bahawa setakat ini JBG tiada rancangan untuk mewujudkan Sistem Sokongan Mangsa (*Victim Support System*) untuk menyokong keluarga yang kehilangan orang kesayangan akibat kes bunuh dari segi bantuan guaman dan kebajikan.

Walau bagaimanapun, keluarga mangsa boleh merujuk ke JBG untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan guaman berdasarkan bidang kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*]. Sekiranya terdapat kes di luar bidang kuasa dan kepentingan keadilan mewajarkan, kelulusan Menteri boleh dimohon oleh JBG bagi kes yang bermerit.

Sekian, terima kasih.